

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXVI)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB. MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

27. Mohon dinyatakan terperinci di mana belanjawan berkenaan disalurkan.
- (a) Tahun 2019 untuk Mengukuhkan Institusi Islam sebanyak RM 56.8 juta.
 - (b) Tahun 2020 untuk Memelihara Agama Islam sebanyak RM 60.05 juta.

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. Peruntukan bagi institusi agama Islam tahun 2019 dan tahun 2020 yang masing-masing berjumlah RM56.83 juta dan RM60.05 juta disalurkan bagi maksud perbelanjaan seperti berikut :-
- (i) Peruntukan mengurus disalurkan terus kepada jabatan yang terlibat, iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah (JKS) dan Jabatan Pendakwaan Syariah (mulai tahun 2020);
 - (ii) Peruntukan pembangunan disalurkan kepada JHEAIPP dan JKS;
 - (iii) Sumbangan bayaran elaun kepada guru-guru KAFA disalurkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berdasarkan perakuan JHEAIPP;

- (iv) Sumbangan di bawah Program Bantuan Pendidikan disalurkan oleh Jabatan Kewangan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat yang berkaitan berdasarkan perakuan JHEAIPP;
- (v) Peruntukan Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama disalurkan kepada JHEAIPP;
- (vi) Bayaran suguhati pegawai masjid, bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada guru KAFA, guru agama, guru pondok, guru tahfiz dan guru TADIS disalurkan oleh Jabatan Kewangan Negeri berdasarkan perakuan JHEAIPP;
- (vii) Sumbangan kepada Ijtimak Huffaz disalurkan kepada JHEAIPP;
- (viii) Sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan disalurkan kepada JHEAIPP; dan
- (ix) Peruntukan untuk sambutan majlis-majlis rasmi yang berkaitan agama Islam disalurkan kepada JHEAIPP.

Perinciannya adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN KERAJAAN NEGERI BAGI PEMBIAYAAN PROGRAM AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019 DAN 2020**

Tahun	Program Bantuan Pendidikan	Sumbangan elaun guru-guru KAFA	Peruntukan Pembangunan (JHEAIPP & Jbtn. Kehakiman Syariah)	Peruntukan Mengurus (JHEAIPP, Jbtn. Mufti, Jbtn. Kehakiman Syariah dan Jbtn. Pendakwaan Syariah)	* Lain-Lain (tidak termasuk elaun guru KAFA dan sekolah)	JUMLAH
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM juta)
2019	1.75	1.00	15.00	31.70	7.38	56.83
2020	1.75	1.00	17.46	32.46	7.38	60.05

* Lain-lain adalah termasuk :

Bayaran suguhati pegawai masjid, Bantuan Khas Kewangan/Bonus kepada guru KAFA, guru agama, guru pondok, guru tahfiz dan guru tadis, sumbangan khas kepada Ijtimak Huffaz, sumbangan kepada masjid sempena bulan Ramadan, Sambutan Maal Hijrah, Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri, Ujian Menghafaz Al-Quran, Pertandingan Nasyid, Maulidul Rasul, Jawatankuasa MMK Agama dan Tabung Pembangunan Agama.